

04 AUG 1996

MIC-suasana

SEMANGAT PERWAKILAN MIC TIDAK LUNTUR WALAU SAMBUTAN DIBATALKAN

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Semangat 1,350 anggota perwakilan dan pemerhati serta pemimpin tertinggi MIC ke perhimpunan agungnya yang ke-43 tidak sedikitpun luntur walaupun sambutan rasmi Jubli Emas dibatalkan malam tadi akibat gangguan bekalan elektrik di seluruh negara.

Ini dapat dilihat daripada semangat yang ditunjukkan oleh perwakilan ketika membahaskan resolusi dan dua pindaan perlembagaan parti sehinggakan ramai yang berlumba-lumba untuk menyertainya walaupun akhirnya tidak berkesempatan.

Wajah-wajah ceria jelas tergambar dalam semangat untuk meletak serta memperjuangkan pelbagai isu mendesak masyarakat keturunan India ketika parti melangkah usia 50 tahun, walaupun tidak dapat merasakan sepenuhnya "suasana" sambutan yang dijadualkan dengan pelbagai acara menarik.

Malahan presiden parti Datuk Seri S. Samy Vellu yang menghadiri jamuan makan malam "tidak rasmi" malam tadi begitu bersemangat menemui anggota perwakilan di setiap meja walaupun dalam keadaan malam yang hanya diterangi oleh cahaya lilin.

Dalam keadaan itu beliau mengingatkan kembali nasib dan sejarah kaum India negara ini dengan berkata bahawa generasi terdahulu masyarakat India yang kebanyakannya tinggal di ladang tidak pernah mengecapi nikmat bekalan elektrik dan tidak ada salahnya perwakilan berada dalam kegelapan untuk satu hari bagi merasa penderitaan yang ditanggung oleh nenek moyang mereka.

Pada sidang berita selepas menutup persidangan dua hari itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini beliau memberitahu pemberita bahawa MIC kerugian RM250,000 akibat pembatalan sambutan Jubli Emas yang sepatutnya dihadiri oleh ramai pemimpin tertinggi negara termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Namun katanya MIC tidak akan mengambil sebarang tindakan terhadap Tenaga Nasional Berhad walaupun ia berhak menuntut ganti rugi.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata bahawa sambutan itu akan diadakan di satu masa lain untuk membolehkan Dr Mahathir hadir.

--BERNAMA

RV MAI